



BAB 2

BAB KEDUA

PELAKSANAAN PERBANKAN ISLAM DI BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

2.1 Pengenalan

Kelemahan pelaksanaan Sistem Perbankan Konvensional telah membuka mata masyarakat untuk mencari alternatif lain bagi menggantikan sistem tersebut atau sekurang-kurangnya memperbaiki kekurangannya. Setelah perbincangan dan pertemuan diadakan oleh pihak-pihak tertentu dan kata sepakat dicapai akhirnya pada 1 Mac 1983 satu institusi kewangan baru dibentuk yang dikenali dengan Bank Islam Malaysia Berhad yang beroperasi mengikut landasan syariah Islam. Dengan kata lain Sistem Perbankan Islam juga turut diperkenalkan bagi menggantikan Sistem perbankan konvensional yang sedia ada.

Bermula dari itu, telah muncul pula bank Islam yang kedua di Malaysia iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) yang bermottokan "*Perbankan Untuk Semua*". Ia memulakan operasinya berdasarkan beberapa dasar perbankan diluluskan oleh kerajaan. Sehingga hari ini ia semakin berkembang maju dan menapak langkah demi langkah memartabatkan prinsip-prinsip syariah.

2.2 Sejarah Penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad

Bank Muamalat Malaysia Berhad merupakan bank Islam kedua di Malaysia diperkenalkan selepas Bank Islam Malaysia Berhad. Ia juga ditubuhkan ekoran dari perkembangan satu institusi kewangan Islam di Jeddah iaitu *Islamic Development Bank* pada tahun 1970.

Mengimbu sejarah, bank Islam pertama di dunia telah dilancarkan di Dubai pada tahun 1974 dan dikenali dengan Islamic Bank Of Dubai. Manakala di Malaysia pula Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) merupakan institusi kewangan Islam pertama yang mengendalikan segala urusan kewangan berlandaskan syariah Islam dan diikuti dengan Bank Islam Malaysia Berhad dan seterusnya Bank Muamalat Malaysia Berhad.

Penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad sebagai bank Islam kedua merupakan langkah memperkembangkan Sistem Perbankan Islam serta mengukuhkannya lagi. Perjalanan bank ini adalah hasil daripada gabungan segala urusan Sistem Perbankan Islam di Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Bank Bumiputra Kewangan dan Bank Of Commerce Malaysia Berhad¹.

¹ www.muamalat.com.my/Intro.html,5/1/02.

Penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad secara rasminya ialah pada 1 Oktober 1999 hasil daripada penggabungan beberapa buah bank bagi membentuk entiti yang besar dan kukuh.

2.3 Misi Korporat²

Bank Muamalat Malaysia Berhad beriltizam untuk menjadi sebuah Bank berlandaskan syariah yang kukuh, progresif dan moden dengan penawaran produk-produk serta perkhidmatan yang inovatif, berkualiti dan kompetitif.

2.4 Objektif Penubuhan

Terdapat beberapa objektif penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad yang menjadi misi korporatnya. Antaranya ialah³ :-

1. Mengukuhkan kemajuan pembangunan Sistem Perbankan Islam sebagai satu corak perbankan yang bukan lagi alternatif tetapi mampu memenuhi permintaan dan keperluan massa.

² *Laporan Tahunan 'Annual Report'*, April-Disember 2000, Bank Muamalat Malaysia Berhad, hal.2.

³ Brosher Bank Muamalat Malaysia Berhad, t.t

2. Memperkenalkan Sistem Perbankan Islam yang menekankan prinsip keadilan dan kesaksamaan dalam perniagaan di samping berorientasikan kebajikan sosial.
3. Menawarkan produk-produk dan perkhidmatan kewangan yang berlandaskan prinsip-prinsip syariah dan perundangan Islam kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengambilkira pegangan agama atau kepercayaan.
4. Memajukan dan mengembangkan produk-produk tersebut sebagai sebahagian daripada penyumbang kepada kemajuan dan kestabilan ekonomi serta pembangunan negara amnya.
5. Membantu kepada pertumbuhan dan perkembangan sistem kewangan Islam bukan sahaja di dalam negara bahkan juga dunia keseluruhannya.

Bank Muamalat Malaysia Berhad juga menyediakan perkhidmatan yang berkonsep '*wholesales*' ataupun borong, iaitu menjadikan bentuk-bentuk perniagaan *al-Musyārahah* dan *al-Mudhārahah* sebagai tulang belakang operasinya. Ia berlainan dengan bentuk perniagaan yang dilaksanakan di Bank Islam Malaysia Berhad yang dijalankan secara '*retail*' ataupun dengan perkataan lain secara runcit.

2.5 Akta dan Peraturan Penubuhan

Bank Muamalat Malaysia Berhad secara langsungnya berada di bawah Akta Perbankan Islam 1983. Semua akta Perbankan pula adalah di dalam kawalan atau kuasa Bank Negara yang bertindak sebagai pemantau termasuklah Akta Perbankan Islam 1983 sendiri. Skim Perbankan Islam yang ditubuhkan bagi menggantikan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) pada tahun 1993 pula berada di bawah akta bank dan Akta Rahsia Bank / Istitusi Kewangan (BAFIA).

Walau bagaimanapun sehingga Januari 2000, bank ini masih belum lagi diletakkan di bawah Akta Perbankan Islam disebabkan beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan oleh pihak yang terlibat. Kelemahan pengurusan dan pentadbiran ini menyebabkan Bank Muamalat Malaysia Berhad masih terus terikat dengan BAFIA. Oleh yang demikian segala urusan dan tadbirannya adalah di dalam pengawasan akta tersebut.

Namun demikian, satu persetujuan berkaitan dengan perundangan telah dibuat antara pihak-pihak tertentu yang membabitkan penubuhan bank ini, iaitu ⁴:-

- a. Bank Muamalat Malaysia Berhad diwujudkan hasil daripada pengembangan Jabatan Skim Perbankan Islam yang sedia ada di Bank Bumiputra Malaysia

⁴ *Ibid.*, hal. 15.

Berhad. Ia akan dijadikan platform untuk melancarkan penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad. Perpindahan asset dan liabiliti mula berkuatkuasa selepas mendapat perintah letak hak.

- b. Aset dan Liabiliti Sistem Perbankan Islam dari Bank Of Commerce (M) Berhad dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad kewangan akan dipindahkan ke Bank Muamalat Malaysia Berhad.
- c. Aset dan Liabiliti Sistem Perbankan Konvensional dari Bank Bumiputra Malaysia Berhad kewangan akan dipindahkan ke Bank Of Commerce (M) Berhad.

2.6 Logo BMMB dan Rasionalnya⁵

Logo dan identiti Bank Muamalat Malaysia Berhad terbentuk dari satu garisan yang dinamik dalam satu gerakan yang berterusan, Satu garisan ini membawa maksud sebagai sebuah bank yang cekap dan dinamik. Garisan berterusan ini pula mencantumkan lima buah kubah. Elemen-elemen logo Bank Muamalat Malaysia Berhad boleh dikategorikan sebagai :-

⁵ *Laporan Tahunan 'Annual Report', op.cit. hal.3.*

i. Satu garisan

Ia membawa maksud kecekapan, visi yang jelas dan berfokus. Ini melambangkan ikatan yang kukuh di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan pelanggannya.

ii. **Lima Kubah**

Kubah adalah rekabentuk asas seni bina Islam. Ia digunakan sebagai tempat pertemuan atau perlindungan. Ini melambangkan rangkaian produk atau perkhidmatan yang dapat ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad kepada pelanggannya. Lima kubah juga mewakili lima Rukun Islam dan lima kali umat Islam menunaikan kewajipannya iaitu Solat. Manakala lima hujungnya pula melambangkan lima Rukun Negara yang membawa maksud kewujudan Bank Muamalat Malaysia Berhad membawa kebaikan dan manfaat kepada rakyatnya berlandaskan objektif-objektif yang telah digariskan. Sambungan lima kubah pula menunjukkan rangkaian dan kerjasama yang diwujudkan di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan pelanggannya serta di antara Bank Muamalat Malaysia Berhad dengan persekitarannya. Rangkaian dan kerjasama ini menterjemahkan maksud '*mu'amalat*' itu sendiri, iaitu urusan sesama manusia.

iii. **Jam Pasir**

Sekiranya diteliti dengan lebih dekat atau jarak dekat, di tengah-tengah logo ini terdapat sebuah jam pasir yang melambangkan kepentingan masa. Masa adalah satu elemen yang penting kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad. Pelaburan berkembang melalui pengurusan masa yang bijak dan efisien serta sistematik.

iv. **Warna**

Dua warna digabungkan dalam logo Bank Muamalat Malaysia Berhad iaitu biru Sultan dan oren. Warna biru Sultan merupakan warna Diraja dan digunakan untuk menerapkan rasa kekuatan dan keyakinan. Warna biru juga selalunya boleh menarik perhatian orang ramai dan ia memberi kesan istimewa kepada penciptaan logo ini. Warna oren pula merupakan warna yang mesra dan menarik. Ia diambil dari warna matahari dan digunakan bagi menerapkan kemesraan Bank Muamalat Malaysia Berhad yang akan terus berkembang, tidak static tetapi sebaliknya akan terus gemilang dan cemerlang. Paduan dua warna tersebut ternyata dapat membuktikan kehebatan dan keunggulan Bank Muamalat Malaysia Berhad di persada tanahair dan juga antarabangsa.

2.7 Struktur Organisasi Cawangan Utama

Organisasi atau pentadbiran dan pengurusan Bank Muamalat Malaysia Berhad adalah terdiri daripada Lembaga Pengarah yang dibantu oleh Jawatankuasa Audit, Ahli Perunding Syariah, Ahli-ahli Pengurusan yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Bahagian-bahagian Sokongan serta jabatan-jabatan lain yang terlibat melicinkan perjalanan dan pelaksanaan operasi Bank Muamalat Malaysia Berhad.

2.7.1 Lembaga Pengarah

Pengerusi :-

- Datuk Ismail Bin Haji Ahmad (B.A / M.A)

Ahli Lembaga Pengarah:-

- Dr. Rozali Bin Mohd Ali (B.A / Msc, PhD)
- Dato' Balia Yusof Bin Haji Wahi (LLB)
- En. Azmi Bin Abdullah (B.A, Econs)
- En. Mohd Redza Shah Bin Abdul Wahid (B.Sc, Econ/Msc,ACA)
- En. Mohd Shukri Bin Hussin (B.A. Econs, CA)

2.7.2 Ahli Perunding Syariah

Struktur Organisasi

Ianya dianggotai oleh seorang pengerusi, dua orang Penasihat Syariah dan beberapa ahli jawatankuasa. Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad terdiri daripada :-

- Prof. Madya Dato' Abdul Halim Al-Muhammadi
Merupakan pensyarah Undang-undang Universiti Kebangsaan Malaysia dan juga Penasihat Syariah kepada beberapa institusi kewangan lain.

- Dr. Mohd Ali Baharom
Merupakan seorang usahawan dan bekas pensyarah Undang-undang juga di Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain daripada itu beliau juga adalah Naib Presiden Angkasa, salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat serta Penasihat Syariah di bank-bank yang lain.

- Prof. Madya Dr. Mohd. Daud Bakar
Merupakan pensyarah Undang - undang di Universiti Islām Antarabangsa dan salah seorang ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. Selain dari itu juga penasihat Suruhanjaya Sekuriti

Malaysia dan beberapa institusi kewangan Islam di dalam dan di luar negara.

Antara tugas dan fungsi Majlis Penasihat Syariah Bank Muamalat Malaysia Berhad adalah seperti berikut :-

- i. Mengawasi perjalanan syarikat dalam operasi perbankannya agar selaras dengan prinsip-prinsip syariah.
- ii. Mencadangkan dan membentukkan konsep syariah bagi produk-produk bank.
- iii. Menyampaikan syarahan / ceramah untuk program-program latihan dan motivasi kepada kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad dari semasa ke semasa.

Cawangan Operasi

1. Pejabat Pengurus Kawasan Utara dan Pantai Timur Semenanjung
2. Pejabat Pengurus Kawasan Selatan dan Malaysia Timur
3. Pejabat Pengurus Kawasan Tengah
4. Jabatan Perbankan Korporat

5. Jabatan Pembangunan Produk
6. Jabatan Jualan dan Sokongan
7. Jabatan Perbendaharaan
8. Jabatan Pentadbiran dan Harta
9. Jabatan Penguasaan Risiko Kredit dan Kewangan
10. Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
11. Jabatan Operasi dan Teknologi Maklumat
12. Jabatan Korporat, Kesetiausahawanan dan Perundingan
13. Jabatan Komunikasi Korporat
14. Jabatan Audit Dalaman

2.8 Operasi Bank Muamalat Malaysia Berhad

Pada peringkat awal penubuhan bank telah menitikberatkan kesempurnaan dan memastikan prasarana, sumber manusia dan prosedur operasi berjalan dengan lancar.⁶ Permulaan operasinya juga berjalan lancar tanpa menghadapi banyak masalah. Usaha-usaha untuk membimbing dan melatih semula kakitangan dalam semua aspek operasi telah dan sedang dijalankan bagi melahirkan warga kerja yang komited dan professional dalam bidang masing-masing dengan nilai korporat yang kukuh dan jitu.⁷

⁶ *Suara Muamalat*, KDN:PP 3416/1/2001, hal. 3

⁷ *Ibid.* hal. 4

Sebagai salah satu dari institusi kewangan yang sudah mula menapak maju dan cemerlang pihak pengurusan dan pentadbiran Bank Muamalat Malaysia Berhad sentiasa mengadakan perbincangan dan perjumpaan bagi mengukuhkan kedudukan dan mempertingkatkan lagi. Antara isu penting yang diberi penekanan ialah :-

i) Fokus perniagaan

Bank akan terus memberi fokus kepada tiga segmen perniagaan terpenting iaitu : Pembiayaan Dagangan, Pembiayaan Projek dan Kontrak dan Pasaran Modal Islam. Bank telah mencapai kemajuan yang memberangsangkan di dalam segmen pasaran ini pada tahun kewangan yang lalu khususnya berhubung dengan pembiayaan dagangan dan akan terus mengembangkan perniagaan dalam bidang-bidang ini. Ia juga merupakan sebahagian daripada pelan perniagaan Bank untuk terus meningkatkan kemampuan perolehan dan mengukuhkan campuran aset.⁸

ii) Penambahan Modal

Isu untuk menambahkan modal adalah penting kepada Bank dan ianya sedang ditangani oleh pihak Pemegang Saham dan pengukuhan modal akan membolehkan Bank melaksanakan perkara-perkara berikut :-

⁸ *Laporan Tahunan 'Annual Report' op.cit.*, hal..

- a) Perkembangan perniagaan
- b) Perbelanjaan modal untuk IT
- c) Menerokai bidang perniagaan baru termasuklah kemungkinan pengambilalihan

iii) Pengurusan Risiko

Dalam sesebuah organisasi, pengurusan organisasi adalah penting dan perlu difahami oleh setiap warga Bank dan ianya tidak boleh dibebankan kepada satu unit atau Jabatan di Ibu Pejabat sahaja. Malahan setiap warga Bank perlu memahami dan mengetahui cara-cara untuk menangani aspek pengurusan risiko. Ia merangkumi :-

- a) Risiko Operasi
- b) Risiko Kredit
- c) Risiko Pasaran
- d) Lain-lain Risiko

iv) Pengiktirafan Pasaran

Tumpuan akan terus diberikan kepada pengukuhan dalaman terutamanya dari aspek publisiti untuk meningkatkan nama dan imej yang dibuat secara terhad dan

mengikut kemampuan. Kajian sedang dijalankan yang melibatkan banyak pihak untuk menentukan arah peningkatan imej dan pasaran. Imej ini bukan sahaja melibatkan penonjolan cawangan tetapi yang terpenting ialah penonjolan kakitangan dan perkhidmatan berkualiti akan mendapat pengiktirafan yang paling tinggi dan dihargai.

v) Sumber Manusia

Isu sumber manusia telah dibincang dan dipersetujui serta dikongsi bersama oleh semua peringkat kakitangan, Pemegang-Pemegang Saham, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Bank. Segala kelemahan dan kekurangan serta kepincangan diperbaiki dan diambil tindakan mengikut prosedur kerja yang ditetapkan.

vi) Teknologi Maklumat

Antara perkhidmatan yang dihasilkan yang berkaitan dengan teknologi Maklumat ialah Pusat e-Muamalat. Ia menawarkan ;

- a) Kemudahan ATM
- b) Kemudahan Deposit Cek Segera
- c) Kemudahan Deposit Tunai

d) Kiosk Penerangan

vii) **Strategi Cawangan-cawangan**

Penubuhan cawangan-cawangan mestilah selari dengan strategi perniagaan. Setakat ini Bank Muamalat Malaysia Berhad mempunyai 40 cawangan dan 6 pusat perkhidmatan dan penggunaan perkhidmatan jendela dijangka akan dapat memberi perkhidmatan kepada pelanggan. Satu perjanjian kerjasama dengan Bumiputra-Commerce Bank Berhad akan dilaksanakan untuk meneruskan kerjasama melalui perkhidmatan jendela dengan memberi perhatian terhadap isu-isu yang dikemukakan oleh Bank Negara Malaysia terutamanya tentang kerahsiaan pelanggan.

2.8.1 Rangkaian Cawangan⁹

Bank Muamalat Malaysia Berhad memulakan operasinya di cawangan induk iaitu di Bangunan Bank Bumiputera Jalan Melaka , Kuala Lumpur iaitu bangunan lama Ibu pejabat Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Sehingga hari ini Bank Muamalat Malaysia Berhad mempunyai lebih 40 cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Cawangan utamanya ialah di Kuala Lumpur yang terletak di Ibu pejabatnya Blok Podium, Menara Bumiputra manakala 39 cawangan

⁹ BMMB, <http://www.muamalat.com.my>, (5/1/2002).

lagi dipilih daripada cawangan Bank Bumiputra Malaysia Berhad kewangan. Cawangan-cawangan ini dibahagikan kepada 3 kawasan iaitu Kawasan Wilayah Utara, Kawasan Wilayah Tengah dan Kawasan Wilayah Selatan.

2.8.2 Kakitangan

Kakitangan Bank Muamalat Malaysia Berhad adalah seramai 1075 orang¹⁰ yang terdiri daripada Islam dan bukan Islam. Bilangannya mengalami pertambahan ekoran daripada permohonan kakitangan dalaman iaitu kakitangan Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Bank Bumiputra Malaysia Berhad kewangan dan Bank Of Commerce Malaysia Berhad.

Kakitangan yang terpilih dipindahkan ke Bank Muamalat Malaysia Berhad bermula 1 September 1999. Program Latihan Perbankan Islam telah diadakan bagi melahirkan kakitangan yang professional dan berkebolehan dalam bidang masing-masing mengikut pengkhususan tertentu. Pegawai-pegawai, kerani dan bukan perkeranian juga tidak terlepas daripada mengikuti program Konsep Perbankan Islam dan pengetahuan produk yang akan dikeluarkan sejak sebelum penubuhan Bank Muamalat Malaysia Berhad lagi.

¹⁰ *Suara Muamalat* *op.cit.*, hal. 9.

2.9 Produk-produk yang ditawarkan di Bank Muamalat Malaysia Berhad¹¹

Terdapat pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan di Bank Muamalat Malaysia Berhad. Antaranya ialah ;

I. Akaun Semasa *al-Wadī'ah*

Ia merupakan perkhidmatan deposit yang ditawarkan di Bank Muamalat Malaysia Berhad . Namun begitu, di sini pelanggan yang ingin membuka akaun ini perlu mencarumkan sekurang-kurangnya RM 1,000.00 deposit minimum. Melalui akaun ini, pemegang akaun bertindak sebagai orang yang memberi amanah kepada bank untuk menyimpan wangnya seterusnya bank pula menjamin akan membayar balik semula wang yang disimpan pada bila-bila masa yang diperlukan.

II. Akaun Simpanan *al-Wadī'ah*

Dana yang diserahkan kepada pihak bank untuk tujuan simpanan . *al-Wadī'ah* bermaksud 'amanah' di mana pemegang amanah iaitu bank bertindak sebagai penjamin atau penjaga yang menjamin

¹¹ Brocher BMMB, t.t

pembayaran balik keseluruhan jumlah di dalam akaun apabila dituntut.

III. Akaun Pelaburan Am *al-Mudhārahah*

Ia berkonsepkan *al-Mudhārahah* di mana ia merupakan kontrak yang dipersetujui di antara penyumbang modal atau pelabur dan usahawan atau pemegang iaitu bank yang membolehkan usahawan menjalankan urusniaga dengan menggunakan modal tersebut. Begitu juga kedua-dua pihak bersetuju untuk berkongsi keuntungan yang diperolehi mengikut nisbah yang dipersetujui. Pihak bank akan melaburkan ke dalam perniagaan yang diluluskan berdasarkan prinsip-prinsip syariah.

IV. Pembiayaan Aset Tetap *BBA*

Kemudahan pembiayaan ini beroperasi berdasarkan kontrak *Bay' Bithaman Ājil*. Ia merujuk kepada jualan dengan bayaran tertangguh. Di bawah kontrak ini, bank akan membeli aset yang dikehendaki dan akan menjual semula kepada pelanggan dengan kos harga aset tersebut dan untung mengikut bayaran tertangguh

berdasarkan tempoh dan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak melalui penetapan bayaran ansuran.¹²

V. Pembiayaan Perumahan BBA

Pembiayaan jenis ini berasaskan kontrak *Bay' Bithaman Ājil* juga. Berdasarkan kontrak ini, bank akan membeli aset yang dikehendaki oleh pelanggan dan akan menjualkan semula kepada pelanggan dengan harga kos dicampur tambah untung (*cost plus profit*) melalui bayaran tertanggung berdasarkan tempoh dan harga yang dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

VI. Pembiayaan Dagangan Muamalat

Pembiayaan ini secara keseluruhannya mempunyai beberapa produk yang tersendiri. Antaranya ialah Surat-surat jaminan kredit, bil penerimaan Islam, dokumen-dokumen kutipan serta lain-lain perkhidmatan dagangan.

¹² <http://muamalat.com.my/fbbafix.html>, (5/1/2002)

VII. Pembiayaan Perumahan *al-Istisna'* Muamalat

Ia berasaskan prinsip *al-Istisna'* di mana pihak bank akan membeli rumah dalam pembinaan yang dikehendaki dengan harga kos dan menjualkannya semula kepada pelanggan berdasarkan margin keuntungan dengan bayaran tetap secara tertanggung mengikut tempoh yang dipersetujui.

VIII. Skim Pembiayaan Pendidikan Muamalat

Berlandaskan prinsip syariah iaitu kontrak *Bay' al-'Inah*. Di bawah kontrak ini, Bank Muamalat Malaysia Berhad akan menjual aset kepada pelanggan pada harga yang terdiri daripada jumlah pembiayaan ditambah jumlah keuntungan berdasarkan tempoh penangguhan. Bank Muamalat Malaysia Berhad akan membeli aset daripada pelanggan dengan tunai yang bersamaan dengan jumlah bayaran.

IX. Pembiayaan Aset Tetap *al-Istisna'* Muamalat¹³

Pihak bank akan membeli barangan atau harta dengan harga kos dan menjualkannya semula kepada pelanggan dengan harga jualan

¹³ Brocher BMMB.

yang merangkumi jumlah kos dan margin keuntungan. Pembayaran bagi harga jualan boleh dibayar sama ada secara progresif sewaktu atau selepas proses pembinaan atau pembuatan disiapkan. Pelanggan boleh memilih untuk membayar kesemua jumlah pembiayaan setelah selesai proses pembinaan dan pembuatan.

X. Pembiayaan Projek *al-Istisna'* Muamalat

Bank akan membeli kontrak dengan harga kos dan menjual mengikut margin keuntungan. Ia bertujuan untuk membiayai kontrak yang telah diperolehi oleh kontraktor yang mempunyai rekod cemerlang. Selain dari itu juga ia dapat menampung aliran tunai perniagaan pelanggan.

Selain dari itu juga antara produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pusat Pembiayaan Dagangan ialah :-

1) Modal Kerja Dan Pembiayaan Projek

- b) Al-Muḍhārabah*
- c) Al-Muḍhārabah Pembiayaan Jangka Masa Pendek dan Sederhana*
- d) Al-Istisna'*

e) *Al-Ijārah*

2) **Pembiayaan Dagangan**

- a) Surat Jaminan Kredit (*Al-Wakālah, Al-Musyārakah, Al-Mudhārahah*)
- b) Bil Penerimaan Islam (beli/jual)
- c) Dokumen-dokumen Kutipan
- d) Lain-lain Perkhidmatan Dagangan

3) **Tukaran Wang Asing Dan Pasaran Wang Islam**

4) **Lain-lain Perkhidmatan**

- a) Jaminan Bank *al-Kafālah*
- b) Pindahan Wang *al-Hiwālah*
- c) Kutipan Bersih
- d) Bank Koresponden
- e) Akaun Deposit Global
- f) Penerimaan Deposit Daripada Pemastautin dan Bukan Pemastautin

2.10 Sumber Dana

Bank Muamalat Malaysia Berhad memulakan operasinya dengan dana pemegang saham sebanyak RM 300 juta dan pengambilalihan aset Skim Perbankan Islam Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Bank Bumiputra Malaysia Berhad kewangan dan Bank Of Commerce Malaysia Berhad sebanyak RM 3 billion. CAHB pula memperuntukkan sahamnya sebanyak 30% kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad dan selebihnya milik penuh Kerajaan Malaysia.¹⁴

2.11 Prestasi Kewangan

Kedudukan dan prestasi kewangan Bank Muamalat Malaysia Berhad dapat dilihat dengan bermulanya perjalanan operasinya pada Mac 1994 hinggalah Mac 1999 iaitu sebelum berlakunya penggabungan bank-bank di Malaysia. Manakala perangkaan secara rasmi prestasi kewangan syarikat masih lagi dalam proses pemilikan dana dan aset kewangan Bank Muamalat Malaysia Berhad yang ada pada hari ini adalah hasil daripada operasi Sistem Perbankan Islam yang dijalankan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad sebelum ini.

¹⁴ Temubual, En. Saiful Anuar Hambali, Eksekutif Bahagian Produk Pembangunan, Penjualan dan Sokongan, Bank Muamalat Malaysia Berhad, 11/2/2002 di Ibu pejabat BMMB Kuala Lumpur.

Pencapaian Bank Muamalat Malaysia Berhad¹⁵ dalam tempoh dua tahun kajian iaitu pada 1 Oktober 1999 sehingga 31 Mac 2000 dan 1 April 2000 sehingga 31 Disember 2001 telah menunjukkan prestasi yang baik. Dalam tempoh tersebut dua buah buku laporan kewangan dikeluarkan dan poster-poster laporan kewangan juga telah diedar dan dipamerkan di setiap Jabatan di Ibu Pejabat dan cawangan serta Pusat Perkhidmatan.

Kajian di antara 1 April 1999 sehingga 31 Mac 2000 Bank telah mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM 14.4 juta iaitu dalam tempoh dua belas bulan walaupun enam bulan pertama ia masih lagi di bawah Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan hanya bergerak sendiri dalam tempoh enam bulan kedua .

Manakala untuk tempoh 9 bulan iaitu antara 1 April 2000 sehingga 31 Disember 2000, Bank telah mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM 8.24 juta.

Walaupun prestasi ini memuaskan, huraian terperinci mengenai angka tunjuk produktiviti mendapati bahawa perbandingan di antara keuntungan, produktiviti dan kualiti aset masih jauh untuk bersaing dengan pesaing kita apatah lagi jika dibandingkan dengan bank-bank komersial.

¹⁵ Temubual, En. Wan Rashidie Sabree Wan A'lauddin, *Credit Administration, Bank Muamalat Malaysia Berhad*, 20.2.2002 di pejabat BMMB cawangan Shah Alam.

Bermula tahun 2000 Bank telah menukar tahun kewangannya dari 31 Mac ke 31 Disember 2000 agar selaras dengan tahun kewangan Syarikat Induk. Keuntungan Bank dapat dilihat daripada jadual berikut :¹⁶

Jadual 2.1 : Keuntungan BMMB Pada Tahun 2000

KEPUTUSAN	RM '000
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	8,240
Cukai	-
Zakat	204
Keuntungan selepas cukai dan zakat	8,036
Pindahan kepada rizab berkanun	4018
Keuntungan bagi tahun ini	4018

Sumber : Laporan Tahunan 'Annual Report', April-Disember 2000, Bank Muamalat Malaysia Berhad, hal.24.

Pada tahun 2001 pula, pihak Bank telah merangka plan perniagaannya yang tersendiri. Pihak Bank telah bersedia untuk memperluaskan kegiatan-kegiatan perniagaan melalui kebijaksanaan pengurusan aset dan liabiliti yang disokong kuat oleh pengurusan risiko.

Asas ekonomi yang teguh pada tahun 2000 telah mengukuhkan ekonomi dalam negeri telah pulih sepenuhnya dari kemelesetan sejak 1998 dan awal 1999.

¹⁶ *Laporan Tahunan 'Annual Report', Apr-Dec 2000, Bank Muamalat Malaysia Berhad, 2000, hal. 18.*

Pelaksanaan dasar-dasar ekonomi makro yang bertujuan untuk menggiatkan ekonomi telah berjaya.

Sistem Perbankan Islam dimangkin oleh pemulihan ekonomi dan kepercayaan berterusan pengguna membolehkan ianya berkembang dengan lebih pesat. Ini telah ditunjukkan oleh pertumbuhan aset dan liabiliti yang teguh dan peningkatan jajah pasaran. Di samping itu, sambutan yang menggalakkan dalam peningkatan dana melalui Sekuriti Hutang Swasta Islam (Islamic PDS) telah membantu mengukuhkan lagi sektor kewangan ini.

Masa depan ekonomi Malaysia dijangka akan terus cerah. Dasar kewangan yang membantu dijangka akan kekal selagi kadar inflasi terus bertahan. Walau bagaimanapun, dengan jangkaan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan situasi tidak bergerak yang berpanjangan di Jepun, ekonomi negara adalah dijangkakan tumbuh pada kadar perlahan. Di pihak yang lain, proses penggabungan bank-bank teras secara tidak langsung akan menghasilkan Sistem Perbankan Islam yang lebih kukuh dan besar yang menggiatkan pertumbuhan dalam sector Perbankan Islam.¹⁷

¹⁷ *Ibid.*, hal. 20.

SEPINTAS LALU PENYATA KEWANGAN BANK¹⁸

Menurut penyata kewangan 31 Disember 2000 yang dibentangkan oleh pihak bank telah menunjukkan peningkatan yang agak memberangsangkan. Bagi tempoh 9 bulan sahaja, bank mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM 8.24 juta berbanding RM 14.35 juta pada tahun sebelumnya. Jumlah aset bank mencapai RM 5.12 bilion pada penghujung Disember 2000 berbanding RM 3.51 bilion yang dicatat pada tahun sebelumnya iaitu dengan perkembangan sebanyak 45.9 %.

Deposit pelanggan pula telah meningkat dari RM 3.03 bilion kepada RM 4.33 bilion pada akhir tahun 2000 iaitu pertumbuhan sebanyak 42.9 %. Walaupun Deposit Pelaburan Am merupakan penyumbang terbesar dengan 64.2 % daripada keseluruhan deposit, bank telah mencatat peningkatan dalam komposisi deposit dengan peratusan deposit akaun semasa meningkat daripada 15.4 % kepada 28.0 %.

Jumlah pembiayaan bank juga telah meningkat dengan ketara kepada RM 1.81 bilion daripada RM 1.08 bilion pada tahun sebelumnya. Pembiayaan di bawah *Bay' Bithaman Ājil* mencatat keuntungan RM 1.12 bilion atau 61.8 % daripada jumlah keseluruhan pembiayaan berbanding 75.3 % pada tahun sebelumnya. Situasi ini sebenarnya selaras dengan strategi bank untuk mengurangkan penumpuan hanya dalam pembiayaan jenis ini sahaja. Peningkatan ketara dari segi komposisi pembiayaan juga dicatatkan di bawah Pembiayaan *al-Murābahah* iaitu sebanyak RM

¹⁸ *Laporan Tahunan 'Annual Report'*. *op.cit.*, hal.23-38.

230.4 juta berbanding RM 73.9 juta sebelumnya. Peningkatan dan perkembangan ini juga turut melibatkan pembiayaan *al-Ijārah*, *al-Ishtiar* dan sebagainya yang berlandaskan prinsip syariah.

Pada akhir tahun kewangan, pembiayaan tidak berbayar bersih mencatat 6.8 % berbanding 9.8 % pada tahun sebelumnya. Kedudukan yang lebih baik ini sebahagian besarnya hasil dari pembayaran balik dan pertumbuhan yang tinggi dalam jumlah pembiayaan.¹⁹

Jadual 2.2 : Perbezaan Lembaran Imbangan Antara 31 Mac 2000 dan 31 Disember 2000.

ITEM	31 DISEMBER RM '000	31 MAC RM '000
ASET		
Wang Tunai dan dana jangka pendek	38,075	17,886
Deposit dan penempatan dengan insitusi kewangan	1,100,411	977,950
Sekuriti Dagangan	279,496	148,448
Sekuriti Pelaburan	1,393,966	1,084,756
Pembiayaan Pelanggan	1,726,830	1,001,527
Deposit berkanun dengan Bank Negara Malaysia	202,179	96,435
Aset-aset lain	45,907	35,670

¹⁹ *Laporan Tahunan 'Annual Report' op.cit.*, hal.33.

Aset tetap	51,815	38,891
Jumlah terhutang dari syarikat Induk	-	106,992
Jumlah terhutang dari syarikat berkaitan	282,749	260
JUMLAH ASET	5,121,428	3,508,818
LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM		
Deposit dari pelanggan	4,326,464	3,031,825
Deposit dan penempatan oleh institusi kewangan	370,000	-
Bil dan penerimaan belum bayar	24,951	31,966
Jualan sekuriti di bawah perjanjian belibalik	61,584	123,804
Liabiliti-liabiliti lain	23,156	13,004
Jumlah terhutang kepada syarikat berkaitan	4,138	5,120
JUMLAH LIABILITI	4,810,293	3,205,719
DANA PEMEGANG SAHAM		
Modal saham	225,846	225,846
Rizab	85,289	77,253
JUMLAH	311,135	303,099
JUMLAH LIABILITI DAN DANA PEMEGANG SAHAM	5,121,428	3,508,818

Sumber: *Laporan Tahunan 'Annual Report', April-Disember 2000, Bank Muamalat Malaysia Berhad, hal.23.*

Jadual 2.3 : Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2000

ITEM	31 DISEMBER RM '000	31 MAC RM '000
Pendapatan	75,244	49,669
Kerugian pembiayaan dan peruntukan	4,245	1,204
Pendapatan bersih	70,999	48,465
Perbelanjaan overhead	62,759	34,111
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	8,240	11,354
Zakat	204	1,000
Keuntungan selepas cukai dan zakat	8,036	13,354
Pindahan kepada Rizab Berkanun	4,018	6,677
Keuntungan terkumpul bagi tahun ini	4,018	6,677
Perolehan sesaham (sen)	3.6	5.9

Sumber : *Laporan Tahunan 'Annual Report', April-Disember 2000, Bank Muamalat Malaysia Berhad, hal.24.*

2.10 Penutup

Pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan pada masa ini mempengaruhi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Walau bagaimanapun, dengan struktur ekonomi yang pelbagai, pertumbuhan yang positif dan dinamik di BMMB akan terus dicatatkan pada jangka waktu pertengahan. BMMB dijangka akan terus mengembangkan aktiviti perniagaannya dengan lebih terancang dalam sector

pengeluaran utama yang terpilih dan akan memainkan peranan sebagai tunjang utama dana Pasaran Modal Islam. Permintaan terhadap produk dan perkhidmatan Islam dijangka meningkat pada masa hadapan yang akan menjurus kepada pengenalan instrumen kewangan Islam yang lebih pelbagai.